

TERAS

Buletin Pejabat Pendaftar

BICARA Minda
Pendaftar

PROGRAM Transformasi
Minda

MERINTIS PERINTIS
Satu Pengalaman

kandungan

- 4 menerajui perubahan melalui PERINTIS
- 6 merintis PERINTIS: satu pengalaman
- 8 bicara minda Pendaftar
- 11 kepentingan dan implikasi GCR
- 13 program transformasi minda (PTM)
- 16 lawatan kerja ke OUM
- 17 kunjungan ilmiah USIM
- 18 perkahwinan & kelahiran
- 19 senyumlah duhai diri...
- 21 coretan aktiviti bahagian kesejahteraan personel
- 24 48,591 pengunjung di jom masuk U
- 26 pejabat pendaftar: bengkel pelan strategik
- 27 kursus kaedah penyelidikan
- 29 penukaran penempatan staf pentadbiran
- 32 tamat pengajian
- 36 bahagian dasar dan kualiti pengurusan, pejabat pendaftar
- 40 program pemantauan staf cuti belajar - zon selatan (UTM)



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Selawat Dan Salam Kepada Nabi Muhammad SAW.

Selamat Sejahtera Kepada Anda Dengan Rahmat Dan KeberkalanNya.

Berfikir Di Luar Kotak?? Kotak Apa Sebenarnya..Nanti Dulu!!

Berfikir Di luar Kotak?

Kita kerap mendengar gesaan supaya sentiasa berfikir di luar kotak. Dalam kebanyakan perbincangan yang memerlukan cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif, asakan-asakan supaya idea yang dijana bukan sahaja bernas dan praktikal tetapi juga di luar kebiasaan kaedah sedia ada. Cara berfikir di luar kemampuan orang lain umumnya, tidak terbatas kepada persekitaran kerjanya sahaja, idea yang agak gila-gila dan tidak munasabah atau tidak masuk akal kepada pendengar yang sebenarnya boleh diolah atau diadaptasi untuk menjadi satu idea yang berkesan akhirnya.

Bagaimana hendak menjana berfikir di luar batasan kemampuan sedia ada? Antara kaedah pengurusan yang terbiasa didengari berkaitan berfikir di luar kotak adalah Blue Ocean Strategy, Creative Thinking dan Lateral Thinking. Terbukti kaedah ini berjaya di dalam memanipulasi minda manusia dengan lebih tersusun di dalam mengeluarkan idea yang tidak mengikut garisan masa sedia ada. Sebagai contoh, pernahkah anda terfikir untuk menjana pendapatan sampingan yang lumayan melalui sampah yang dibuang setiap hari?

Berdasarkan keratan akhbar baru-baru ini ada menyebut mengenai seorang budak lelaki pemungut sampah berumur 18 tahun yang membuat perniagaan tanpa kos boleh menjana pendapatan dari RM50 hingga RM400 sehari. Dari sampah datangnya idea untuk mencipta atau menokok tambah daya kreativiti seseorang dengan mengambil bahan-bahan terbuang itu untuk meletakkan nilai tambah kepada barang atau peralatan yang hendak mereka jual, seperti manik-manik, kain-kain denim atau apa sahaja yang sesuai untuk ditampal atau ditambah sebagai aksesori kepada kasut, baju, seluar atau apa sahaja yang sesuai.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan seseorang itu dapat berfikir di luar kebiasaan tabiinya, maka dia juga perlu memahami kaedah pengurusan yang bersesuaian...orang kata jika hendak keluar idea yang gila-gila perlulah terlebih dahulu mendalami tingkah laku orang gila...atau menjadi sedikit gila-gila...

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Datuk Hasan bin Sirun

Ketua Editor

Masdzarif bin Hj. Mahat

Editor

Norihan binti Abu Nawar

Sidang Redaksi

Azrina binti Alwi
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Noralisa binti Ramlee
Mahathir bin Mazizan
Muhamad Hazrul bin Md Esa

Jurugambar

Asri bin Abu
Jorafiza binti Juki
Nurulidayu binti Talib
Mohd Farid bin Supangi
Md Nor bin Mohamad Saleh

Rekabentuk

Ratnasaerah binti Azis

Penulis/Wartawan

Misdrom bin Lan
Azrina binti Alwi
Norsuria binti Azis
Faridah binti Ahmad
Mahathir bin Mazizan
Mohd Hairull bin Abdolah
Norma Hayati binti Hashim
Nurhayati binti Mohd Shariff

Mohd Nazrul bin Mohd Shafri

Muhamad Hazrul bin Md Esa
Nur Fazilah binti Mohd Kassim
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Pembaca Prof

Norhafizah binti Md Yusoh
Nurhayati binti Mohd Shariff

Kotak Apa Sebenarnya..

Dikatakan bahawa kita ini memang sentiasa berada di dalam 'kotak'. Kenapa perkataan 'kotak' digunakan, bukannya pasu, bekas tupperware, botol air atau bekas-bekas lain yang seangkatan dengannya. Pasu agaknya ada muncung yang terbuka di atasnya, jadi tidak sesuai dijadikan satu analogi yang berkesan, begitu juga botol air dengan bentuk yang tidak simetri mungkin juga kurang sesuai dijadikan satu analogi yang berkesan, jadi mungkin yang paling sesuai adalah kotak yang bersimetri segi empat sama yang boleh diterima secara global sebagai satu perbandingan yang paling sesuai...

'Kotak' yang dimaksudkan adalah sempadan pemikiran biasa, nilai, budaya, persepsi, tugas dan tanggungjawab yang tertakluk kepada norma, peraturan dan pematuhan yang diikat selama ini. Pemikiran biasa yang terikat ini memberi satu pusingan keselesaan yang dapat dijangkakan hasil dan impaknya kepada organisasi. Perancangan yang dilakukan adalah berulang-ulang yang tiada daya kreativiti terhasil luar biasanya yang dapat memberi satu impak yang lebih terkesan dan global. Disebabkan oleh kebiasaan ini yang terletak di dalam 'kotak' itu maka seseorang akan mendapati susahnyanya untuk berfikir terkehadapan dalam mencari jalan keluar dari semak dan hutan belantara permasalahan yang memerlukan bukannya kaedah penebangan dengan parang dan kapak tetapi kaedah lain yang mungkin tidak perlu pun melalui semak dan belantara tersebut!

Nanti Dulu!!

Haa, nanti dulu sebelum terfikir hendak berfikir di luar kotak! Kenapa perlu berfikir di luar kotak? Sudah dijelaskan tadi hasilnya yang luar biasa jika kena pada caranya, tetapi nanti dulu!!

Selama ini kaedah berfikir di luar kotak agak susah untuk dipraktik dikalangan warga kerja kerana mereka sebenarnya terus diasak supaya memikirkan sesuatu yang lain dan berbeza. Berbeza daripada apa sebenarnya? Apa parameter, nilai dan pematuhan yang dia perlu tahu terlebih dahulu? Jika tidak ianya sekadar satu idea yang sebenarnya bukan pun berbeza; cuma nama atau bentuk sahaja yang lain tetapi asas sistem dan prosedurnya masih sama.

Yakinlah!!! Kita semua mampu berfikir luar daripada kotak yang kita rangka sekiranya kita dapat memahami sedalamnya 'keadaan kotak' itu' dari segi keseluruhannya, kekuatannya, kelemahannya, ancamannya dan peluang-peluang yang ada. Apabila pepejal yang berada di dalam kotak itu menjadi padat dan tepu, akan tembuslah ia di luar kotak tersebut yang kelihatan berkilauan menjadi idea-idea yang kreatif dan inovatif...Wallahu a'lam.

Selamat membaca...

Seperti biasa saya bagi pihak Sidang Redaksi mengharapkan keluaran edisi ke-16 ini menjadi bahan bacaan dan rujukan yang berguna kepada semua warga Universiti khasnya dan rakan-rakan Institusi Pengajian Tinggi amnya. Selain daripada aktiviti-aktiviti semasa yang dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar, pihak kami juga turut menyelitkan beberapa artikel menarik sebagai perkongsian ilmu antaranya *Bicara Minda Pendaftar*, *Kursus PERINTIS* yang melibatkan Pejabat Pembangunan dan Program Transformasi Minda.

Selamat membaca...

Wassalam.

Masdarif Huj Mahat

Akal Sihat, Jasmmani Kuat, Kerja Selamat, Hasil Cemerlang, Ketua Senang, Prestasi Gemilang.

4 menerajui perubahan melalui PERINTIS

6 merintis PERINTIS: satu pengalaman

8 bicara minda Pendaftar

11 kepentingan dan implikasi GCR

13 program transformasi minda (PTM)

16 lawatan kerja ke OUM

17 kunjungan ilmiah USIM

18 perkahwinan & kelahiran

19 senyumlah duhai diri...

21 coretan aktiviti bahagian kesejahteraan personel

24 48,591 pengunjung di jom masuk U

26 pejabat pendaftar: bengkel pelan strategik

27 kursus kaedah penyelidikan

29 penukaran penempatan staf pentadbiran

32 tamat pengajian

36 bahagian dasar dan kualiti pengurusan, pejabat pendaftar

40 program pemantauan staf cuti belajar - zon selatan (UTM)

Menerajui Perubahan Melalui

PERiNiTiS
MENERAJUI PERUBAHAN



PINTAR dan PERINTIS merupakan program strategik utama sumber manusia UTeM yang dicetuskan oleh Y. Bhg. Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM. Kedua-dua program ini telah dijadikan program teras (wajib) universiti dan diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftaran.

Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) direka bentuk bertujuan untuk menerapkan kefahaman visi dan misi Universiti kepada staf UTeM secara menyeluruh di samping menjadi platform kepada staf UTeM membentuk pasukan yang unik, berkaliber dan istimewa dengan minda yang kritikal, kompeten dan berstrategik di samping mempunyai kelebihan diri yang tersedia dianugerahi Ilahi iaitu kesedaran diri (*self-awareness*), hati murni (*conscience*), kebebasan kehendak (*independent will*) dan imaginasi kreatif (*creative imagination*).

PINTAR dirancang agar menjadi satu program latihan berbentuk "Experiential Learning" di mana para peserta diajak berkongsi maklumat, idea dan kreativiti bagi menyelesaikan situasi yang direka pada setiap slot program. Proses pembelajaran secara pengalaman ini dapat diterapkan kepada setiap peserta dan dijadikan persiapan menghadapi situasi sebenar di lapangan masing-masing di UTeM. Bagi memastikan pembangunan modal insan yang menyeluruh, PINTAR bukan sahaja menyentuh aspek pembangunan minda dan fizikal sahaja tetapi ianya juga dilaksanakan untuk menyentuh rohani secara seimbang melalui program-program tazkirah. Justeru, ianya dapat membantu memberi pengaruh yang besar ke atas pembentukan dan pembinaan modal insan yang bersahsiah murni dan profesional serta kreatif dan inovatif.

Walaupun melibatkan kos yang agak tinggi, PINTAR merupakan pelaburan yang berupaya memacu dan menginspirasi kecemerlangan warga kerja UTeM selari dengan Visi dan Misi Universiti yang diterapkan di sepanjang program serta memberi penekanan betapa pentingnya pencernaan kreativiti dan inovasi di kalangan staf, bermula daripada pemikiran kreatif yang membudayakannya dalam diri secara istiqamah.

Program PERINTIS pula dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada PINTAR. Mengambil sempena slogan terbaru Univeriti "**Sentiasa Merintis Sentiasa Menerajui**" PERINTIS telah tampil dengan slogan "**Menerajui Perubahan**". Berbeza dengan PINTAR yang dilaksanakan di tempat peranginan, Program PERINTIS yang dilaksanakan selama 4 hari 2 malam ini dilaksanakan di Bengkel Kokurikulum PBPI dengan menggunakan 100% kepakaran dalaman. Jika PINTAR dilaksanakan bagi mengajak para peserta untuk memantapkan kefahaman kepada Misi dan Visi Universiti, Program PERINTIS dirangka bagi menterjemahkan secara langsung langkah-langkah strategik yang perlu diambil dan digunakan oleh warga bagi mencapai keunggulan Universiti. Ianya dibangunkan selaras dengan hasrat Universiti ke arah Universiti Teknikal berstatus "APEX Technical University".

Berfokuskan kepada matlamat untuk melahirkan warga UTeM yang bersahsiah murni, profesional, berfikiran strategik, berinovasi dan menjana kreativiti dalam menterjemahkan perancangan universiti, Program PERINTIS telah dirangka untuk mendedahkan para peserta dengan amalan pemikiran kreatif melalui slot-slot di hari ketiga program. Langkah ini akan dapat merangsang pemikiran yang inovatif dan kreatif untuk mencapai keunikan dan kecemerlangan yang akan dilaksanakan pada hari keempat program. Pada hari terakhir peserta sebagai sebuah PTJ akan menterjemahkan secara langsung langkah strategik yang perlu dilakukan dengan mencadangkan projek-projek yang kreatif untuk dibentangkan dan dipilih oleh Naib Canselor UTeM. Projek yang terbaik akan dijulung untuk dilaksanakan dan di jayakan melalui pemantauan yang berterusan.

Program "Eco-Escapade" telah dirangka bagi memantapkan kepimpinan dan kerja berpasukan serta mengukuhkan nilai dan budaya kerja cemerlang di kalangan warga universiti. Melalui aktiviti ini, warga Universiti diberi pengalaman baru seperti rintangan tali tinggi, memasak di dalam hutan dan solat zohor dalam keadaan "sedia-ada".

Bertemakan "**Menerajui Perubahan**", program PERINTIS juga direka bentuk untuk membina "core value" rajin, gigih, kerjasama, integriti dan usaha luar biasa kepada semua staf UTeM bagi membangunkan sinergi dan kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual secara bersepadu. Bagi menjamin kesinambungan pembangunan Akal, Fizikal dan Roh, slot-slot ceramah juga disediakan sebagai usaha dakwah dan pemacu kepada perubahan individu.

Peserta PERINTIS terdiri daripada seluruh warga kerja Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pemilihan peserta masih lagi menggunakan pendekatan program PINTAR dengan harapan wujudnya kesinambungan idea di peringkat pengurusan dan operasi di sesebuah PTJ. Sehingga kini, PERINTIS telah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali yang melibatkan tiga (3) PTJ iaitu Pusat Komputer, Canselor dan Pejabat Pembangunan. Pihak Pengurusan Universiti berharap agar warga yang telah berpeluang mengikuti PERINTIS akan memperoleh sesuatu pembelajaran dan pengalaman yang boleh mencetuskan tranformasi dalam pemikiran atau tindakan-tindakan yang mendorong kepada mendahului perubahan.



Pertama sekali, saya ingin merakamkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Naib Canselor kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk mengetuai barisan Fasilitator, Pembantu Fasilitator dan krew dalam mengendalikan program PERiNTiS. Saya juga amat berterima kasih kepada Pengurusan Universiti kerana memberi kepercayaan kepada saya dan pasukan Fasilitator serta pihak HRD untuk merekabentuk modul program PERiNTiS. Sesungguhnya bukan mudah untuk merekabentuk modul program berskala besar seperti PERiNTiS. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pasukan Fasilitator yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan, Prof. Madya Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus, En. Azhar bin Mohamed, Dr. Asiah binti Hj. Mohd Pilus, Dr. Radzuan bin Nordin, En. Wahi bin Nordin, Tuan Haji Ismail bin Haji Abdul Jalil dan pihak HRD yang terdiri daripada En. Misdom bin Lan, En. Mohamad Yusof bin Mohamad Dan dan En. Sahlizam bin Maamin.

Ianya bermula apabila YBhg. Datuk Naib Canselor memaklumkan bahawa selepas program PINTAR, beliau berhasrat untuk mengadakan satu program yang mempunyai kesinambungan dengan PINTAR dan dikendalikan sepenuhnya oleh kepakaran dalaman. Selepas beberapa perbincangan bersama Panel PINTAR, satu perbincangan bagi menentukan objektif dan "core value" program telah diadakan di Pusat Latihan Petronas di Bangi, Selangor. Melalui perbincangan tersebut, PERiNTiS adalah nama program yang dipersetujui untuk dilaksanakan sebagai kesinambungan program PINTAR. PERiNTiS dipilih kerana ianya selari dengan "tag line" Universiti iaitu "Always A Pioneer, Always Ahead". PERiNTiS adalah merupakan satu usaha mendahului dan sentiasa terkehadapan serta unik dalam pembangunan UTeM.

Sepertimana yang dipersetujui bahawa objektif PERiNTiS adalah untuk melahirkan warga UTeM yang bersahsiah murni dan profesional, berfikiran strategik, berinovasi dan berupaya menjana kreativiti dalam menterjemah perancangan Universiti dan mengamalkan gerak kerja inovatif untuk mencapai keunikan dan kecemerlangan. Nilai teras (core value) PERiNTiS adalah rajin, gigih, kerjasama, integriti dan usaha luar biasa. Manakala MENERAJUI PERUBAHAN telah dipilih sebagai "tag line" PERiNTiS.

Panel Kompetensi UTeM meminta saya membentuk "team" untuk merekabentuk modul PERiNTiS berdasarkan kepada objektif dan "core value" yang telah dipersetujui. Panel telah menetapkan bahawa program PERiNTiS akan dilaksanakan selama empat (4) hari bermula pada hari Jumaat dan berakhir pada hari Isnin. Program akan dilaksanakan sepenuhnya di dalam UTeM dan menggunakan kemudahan yang sedia ada.

Modul PERiNTiS yang dibangunkan dan cuba diselaraskan dengan hasrat Universiti untuk meneraju perubahan ke arah Universiti Teknikal berstatus "APEX Technical University". Modul PERiNTiS direka bagi memenuhi keperluan Akal, Jasad dan Roh yang seimbang untuk melahirkan warga kerja Universiti yang terbilang. PERiNTiS direkabentuk bagi memenuhi keperluan Pelan Strategik Universiti yang berhasrat melakukan usaha untuk mentransformasikan keunggulan jati diri sumber manusia menerusi program-program latihan yang membangunkan sinergi dan kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual secara bersepadu.

Peserta PERiNTiS adalah terdiri daripada seluruh warga kerja sesebuah Pusat Tanggungjawab (PTj). Pendekatan ini dipilih dengan hasrat agar gabungan idea di peringkat pengurusan dan operasi di sesebuah PTj dapat dijanakan bersama dalam suasana keterbukaan bagi mewujudkan perasaan hormat-menghormati dan dihormati bagi memastikan objektif dapat direalisasikan dengan lebih berkesan seterusnya menyumbang kepada pencapaian objektif Universiti. Berbeza dengan program PINTAR yang dilaksanakan sepenuhnya di hotel dan segala aktiviti *indoor* diadakan di dalam dewan manakala aktiviti *outdoor* (berakit) diadakan di laut berhampiran, aktiviti *indoor* program PERiNTiS dilaksanakan secara terbuka di khemah yang disediakan, manakala program *outdoor* pula diadakan di dalam "hutan" di sekitar UTeM.

Merintis PERiNTiS

MENERAJUI PERUBAHAN

= Satu Pengalaman

MOHD ISA BIN MOHD DOM
Ketua Fasilitator PERiNTiS



Program PERiNTiS pada keseluruhannya adalah mencabar dan mencipta pengalaman baru kepada peserta di mana setiap peserta akan bermalam di dalam khemah yang disediakan. Melalui modul *eco-escapade* pada hari kedua pula, peserta akan berjalan secara berkumpulan di laluan (*track*) dan akan menyelesaikan tugas yang disediakan oleh fasilitator di enam (6) *check point* di mana dua (2) daripadanya adalah *check point "high element"* iaitu peserta dikehendaki melakukan aktiviti sama ada "*wall climbing*", "*flying fox*" atau "*abseiling*". Kumpulan juga dikehendaki memasak sendiri secara berkumpulan untuk makan tengahari di mana-mana *check point* dengan bekalan makanan yang disediakan dan menunaikan sembahyang zohor dalam keadaan seadanya. Pada hari ketiga, peserta akan diperkenalkan kepada kaedah berfikir secara kreatif dan di luar kotak melalui aktiviti *My-Inno* dan *lateral thinking* yang dikendalikan oleh fasilitator. Pengalaman *My-Inno* dan *lateral thinking* akan digunakan pada hari keempat di mana setiap kumpulan akan diminta menyediakan satu projek yang berinovasi, kreatif & unik dan akan dibentangkan di hadapan panel, fasilitator dan ketua jabatan yang hadir. Panel akan memilih satu atau dua projek yang difikirkan boleh mendatangkan impak untuk dilaksanakan.

Bagi mengimbangi keperluan rohani, peserta disediakan dengan tazkirah maghrib dan subuh yang dikendalikan oleh Pusat Islam UTeM. Antara kupasan yang dikongsi adalah berkenaan kepentingan akidah sebagai pemacu kecemerlangan ummah, sifat-sifat mahmudah bagi membentuk keperibadian unggul dan kebangkitan semula selepas mati bagi menerapkan nilai kehambaan dalam diri peserta yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT.

Sebagai ujian untuk menguji keberkesanan modul dan perjalanan program, YBhg. Datuk Naib Canselor bersetuju Pusat Komputer menjadi PTj PERiNTiS untuk melalui modul yang dibangunkan. Bermula dari tarikh penetapan program PERiNTiS pertama, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menyediakan keperluan dan kelengkapan untuk melaksanakan program PERiNTiS sepertimana yang telah ditetapkan. Saya amat berterima kasih kerana Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah dapat menyediakan kelengkapan dan keperluan-keperluan yang berkaitan dalam tempoh yang singkat. Dengan persiapan yang begitu rapi, maka PERiNTiS pertama berjaya dilaksanakan pada 30 November hingga 2 Disember 2012 di Bengkel Ko-Kurikulum, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan dan Pusat Siber, Pusat Komputer, UTeM.

Bagi memastikan PERiNTiS dilaksanakan sejajar dengan aspirasi yang telah ditetapkan dan memenuhi objektif serta keperluan Universiti, YBhg. Datuk Naib Canselor bersama Panel Kompetensi UTeM telah hadir bersama untuk membuat pemantauan terhadap pengisian program yang dilaksanakan.

Hasil daripada pandangan dan ingatan YBhg. Datuk Naib Canselor, Panel Kompetensi dan peserta dari Pusat Komputer dengan beberapa penambahbaikan terhadap modul, perjalanan program, persiapan kawasan perkhemahan dan lain-lain kemudahan, Program PERiNTiS telah dilaksanakan dengan jayanya untuk seluruh Pejabat Canselori dan Pejabat Pembangunan pada program kedua dan ketiga.

Saya selaku Ketua Fasilitator sentiasa mengalu-alukan sebarang pandangan penambahbaikan daripada warga UTeM untuk membolehkan program ini mencapai matlamat, objektif dan seterusnya membantu dalam Pembangunan Sumber Manusia khususnya dan pembangunan Universiti umumnya. Saya amat mengharapkan warga UTeM akan memperolehi suatu pengalaman berharga melalui Program PERiNTiS yang dibangunkan oleh UTeM kepada UTeM.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bicara Minda Pendaftar



oleh: Nurhayati binti Mohd Shaffiq

Program Bicara Minda Pendaftar telah dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar pada 15 Februari 2013 jam 9.00 pagi di Dewan Auditorium, Canselor. Program dengan kehadiran seramai lebih kurang 61 orang ini menyasarkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional khususnya Skim N diadakan bertujuan untuk berkongsi kefahaman dan perincian kerjaya daripada Pendaftar kepada pegawai yakni sebagai pentadbir, penjawat awam dan staf UTeM.

Perkongsian minda Pendaftar ini diharap dapat menjadikan semua pentadbir khususnya di UTeM lebih berperanan dalam menjadi tulang belakang kepada hasrat Universiti dalam mencapai kejayaan yang lebih tinggi.


INFO

Slot Bicara Minda Pendaftar terbahagi kepada tiga (3) bahagian. Pada **Bahagian I**, YBhg. Datuk Pendaftar lebih memfokuskan kepada cara pentadbiran yang menjadi amalan di Malaysia.

Bermula sejak Merdeka, Malaysia telah mencontohi sistem pentadbiran Britain. Pada 1970-an, sistem pengurusan USA pula dijadikan panduan untuk tadbir urus negara ini dan seterusnya pada 1980-an, kita mengamalkan dasar pandang ke timur dengan melihat kemajuan negara Jepun dari segi pelbagai aspek di samping penerapan nilai-nilai Islam yang telah mula didekati. Corak tadbir urus ketiga-tiga negara ini digarap untuk mencipta satu (1) tadbir urus yang baik di Malaysia demi untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu tadbir urus yang dilaksanakan.

Amalan pengurusan & pentadbiran sama ada di Barat atau Jepun adalah merujuk kepada Teori Keperluan MASLOW di mana mereka berusaha dan bekerja dengan bersungguh-sungguh demi mendapatkan keperluan serta memenuhi keinginan melalui proses yang berkaitan.

Bahagian II slot, YBhg. Datuk Pendaftar mengingatkan bahawa setiap staf perlu faham dan tahu bahawa UTeM berada di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan kepimpinan UTeM berusaha bersungguh-sungguh untuk mengajak staf ke arah kecemerlangan. Kita digalakkan untuk memberi sumbangan yang terbaik untuk membantu Universiti dan seterusnya KPT mencapai kejayaan atas sasaran yang telah ditetapkan institusi masing-masing.



Faktor penting bagi merealisasikan hasrat ini adalah semangat kerja berpasukan (teamwork), bekerja kuat dan mestilah berinovasi. Setiap daripada kita perlu membuat perubahan dan transformasi serta bersama-sama membantu membawa UTeM ke arah hala tuju, matlamat dan sasaran yang telah dirangka dalam Pelan Strategik UTeM.

YBhg. Datuk Pendaftar juga menyarankan agar setiap staf memberi perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan bertaraf kelas pertama dari segi aspek pemikiran, kemahiran dan sikap kita sendiri.

Menurut YBhg. Datuk Pendaftar, kita akan bekerja dengan cukup hebat sekiranya kita faham akan kerja kita. Menurutnya lagi, tujuan asas penghidupan kita adalah untuk bekerja bahkan semua ciptaan Allah SWT di langit dan di bumi turut bekerja dengan cara tersendiri.

Dalam kita melaksanakan tanggungjawab kita di dunia, kita tidak boleh lupa untuk mencari kebenaran & kebahagiaan hakiki. Kita perlu faham akan asal usul kita bermula dari alam roh, alam dunia sehingga ke alam akhirat.

Sesungguhnya kebahagiaan yang dicari-cari adalah apabila kita berusaha juga mencari wajah Allah. Perjalanan diri kita sebagai insan yang menumpang di bumi Allah ini perlulah lengkap dengan unsur-unsur ilmu, kudrat, iradat dan hayat.

Kita seharusnya bersyukur kerana diberi peluang untuk terus hidup bernyawa demi mencari Allah SWT. Itu adalah bahagian terakhir YBhg. Datuk Pendaftar terapkan ke dalam minda setiap daripada kita. Marilah sama-sama kita renungkan sejenak dan berfikir apakah tanggungjawab kita terhadap diri sendiri, organisasi dan semua yang ada di sekeliling kita.



Kepentingan dan Implikasi



GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

Gantian Cuti Rehat adalah ganjaran wang tunai yang diberikan kepada Anggota Perkhidmatan Awam bertaraf tetap, sementara dan kontrak yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat atas kepentingan perkhidmatan.

Cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas kepentingan perkhidmatan boleh dikumpul pada setiap tahun atas kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab. Kadar GCR yang boleh dikumpul bagi staf bertaraf tetap dan sementara pada setiap tahun adalah $\frac{1}{2}$ (separuh) dari cuti rehat yang layak untuk tahun tersebut iaitu maksimum 15 hari atau mengikut mana yang lebih rendah.

Jumlah maksimum GCR yang boleh dikumpul sepanjang perkhidmatan adalah 150 hari. Pengumpulan GCR bagi staf tetap dan sementara adalah berdasarkan kalendar fiskal.

Pemberian ganjaran wang tunai GCR untuk staf tetap hanya boleh diluluskan berhubung dengan persaraan (bersara wajib atau pilihan) atau kematian pegawai semasa dalam perkhidmatan.

2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15

Handwritten notes: 'Holiday' above 10, 'Sick' above 13. A green line is drawn across the bottom row (9-15).

Bagi staf bertaraf kontrak, kadar GCR yang boleh dikumpul adalah $\frac{1}{4}$ (satu per empat) daripada cuti rehat yang layak dalam tempoh kontrak (setahun) iaitu maksimum 8 hari atau mengikut mana yang lebih rendah. Jumlah maksimum GCR yang boleh dikumpul sepanjang tempoh kontrak dengan kerajaan adalah 75 hari.

Pengumpulan GCR bagi staf kontrak adalah berdasarkan tarikh lantikan kontrak individu untuk tempoh setahun. Pemberian GCR hanya boleh diluluskan sekiranya staf telah menamatkan kontrak mengikut tempoh kontrak yang sebenarnya.

Staf yang ditamatkan kontrak atau berhenti sebelum tamat tempoh kontrak tidak layak mendapat ganjaran wang tunai GCR. Staf akan dibayar ganjaran wang tunai GCR setelah tempoh kontrak staf tamat.

PROSES NAIK TAHUN

Proses naik tahun adalah proses pengumpulan gantian cuti rehat dan atau membawa baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan ke tahun hadapan secara *online* yang dijalankan pada setiap akhir tahun oleh setiap staf bertaraf tetap dan sementara bagi membolehkan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) mengira GCR yang telah terkumpul sepanjang perkhidmatan dan mengira kelayakan cuti tahunan individu untuk tahun hadapan.

Berdasarkan Perintah Am Bab C-perkara 11, jika terdapat baki cuti rehat dan **ketua jabatan berpuashati bahawa baki cuti rehat itu tidak dapat diambil atas sebab kepentingan perkhidmatan**, staf boleh diberi pilihan sama ada;

1. Membawa baki cuti rehat ke tahun hadapan; atau
2. Mengumpulkan baki cuti tersebut untuk award GCR; atau
3. Sebahagian baki cuti rehat dibawa ke tahun hadapan dan sebahagian lagi dikumpul untuk GCR

Membawa baki cuti rehat ke tahun hadapan bermaksud jumlah cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan pada tahun semasa boleh dibawa ke tahun hadapan. Cuti rehat hanya dibenarkan untuk dibawa ke tahun hadapan sebanyak dua (2) tahun sahaja iaitu cuti rehat tahun pertama yang tidak dihabiskan dalam tahun ketiga akan luput pada akhir tahun ketiga.

KEPENTINGAN PROSES NAIK TAHUN DI DALAM PENGURUSAN CUTI STAF

Membolehkan staf untuk mengumpul GCR, membawa baki cuti rehat yang tidak dihabiskan ke tahun hadapan atau sebahagian daripadanya

Memberi/mengira kelayakan cuti rehat tahunan individu dan mencampurkan dengan jumlah cuti yang tidak dapat dihabiskan untuk dibawa ke tahun hadapan sekiranya ada

Membuat pengiraan cuti luput bagi mendapatkan baki cuti yang betul dan tepat

Mendapatkan rekod cuti yang teratur, tepat dan betul serta memudahkan pengurusan cuti semasa bersara kelak

IMPLIKASI SEKIRANYA PROSES NAIK TAHUN TIDAK DIJALANKAN

Kelayakan cuti rehat tidak diproses dan tidak akan dimuatnaik di dalam portal cuti dan tiada baki cuti rehat

Portal skrin permohonan cuti tidak dibuka dan staf tidak boleh memohon cuti rehat sehingga proses naik tahun dijalankan

Proses pengumpulan GCR tidak akan berlaku dan baki GCR tidak tepat dan staf akan kerugian pada masa persaraan kelak

Rekod cuti rehat tidak teratur dan bermasalah pada masa persaraan kelak

PERATURAN YANG SEDANG BERKUATKUASA

Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa bagi pengurusan GCR adalah seperti berikut:

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003
Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2004
Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai Yang Memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008
Peningkatan kadar GCR

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008
Pemberian GCR Pegawai Lantikan Kontrak

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012

Program Transformasi Minda (PTM) di (UTeM)



Pengenalan

- ▶ Gantikan Kursus Induksi
- ▶ Syarat baru pengesahan
 - ▶ Tempoh: 5 hari
 - ▶ Modul ditambah baik
- ▶ Penilaian sepanjang kursus tanpa ujian akhir



Syarat Pengesahan Dalam Jawatan

DASAR DAN PERATURAN

Pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan terhadap perkhidmatan awam

RASIONAL

Pendedahan prinsip dan falsafah pembentukan negara, jentera pentadbiran kerajaan dan peraturan asas perkhidmatan awam serta jati diri

Pegawai Yang Disyaratkan

- Pegawai **lantikan pertama pada atau selepas 1 Januari 2013** yang berkhidmat secara tetap
- Pegawai dalam **tempoh percubaan dan belum menghadiri Kursus Induksi - Modul Umum**



Pengecualian Menghadiri PTM

Pegawai berkhidmat dan dilantik ke skim perkhidmatan sama atau perkhidmatan lain



Hadir dengan jayanya PTM



Hadir dengan jaya Kursus Induksi - Modul Umum



Lulus Peperiksaan Am Kerajaan di skim perkhidmatan terdahulu

Pelaksanaan PTM

TEMPOH
5 hari

PELAKSANA
Kem/Jab/Agensi

KURIKULUM
3 segmen

KAEDAH
Latihan dalam kumpulan (LDK)/Sesi interaktif/Ujian psikometrik/Perbincangan kes/Kuiz/e-pembelajaran

Kurikulum PTM

SEGMENT 1

Negara dan Perkhidmatan Awam

SEGMENT 2

Tanggungjawab dan Peranan Pegawai

SEGMENT 3

Budaya Kerja Kelas Pertama

Penilaian PTM

- Penilaian sepanjang program
- Kriteria penilaian

Kriteria

DISIPLIN

kehadiran, tingkahlaku, ketepatan masa

PERSONALITI

etika berpakaian, komunikasi

KOMITMEN

penglibatan dalam aktiviti & kerjasama kumpulan

Penilaian kefahaman

Markah

50

30

20

Jumlah keseluruhan :

100

Laporan Penilaian

- Penilaian program dilaksanakan oleh fasilitator
- Laporan penilaian sepanjang program yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Panel Pengurusan PTM untuk pertimbangan dan pengesahan

Penilaian Kefahaman

- Soalan berbentuk objektif: 20 soalan
- JPA akan sediakan soalan untuk rujukan urus setia
- Peserta wajib duduki penilaian

Pegawai Tidak Melengkapkan PTM

- Pegawai yang disahkan tidak sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar;
- Pegawai yang terpaksa meninggalkan program untuk menjaga keluarga terdekatnya yang sakit;
- Pegawai yang terpaksa meninggalkan program untuk menjadi saksi atau terlibat dalam perbicaraan kes di mahkamah;
- Pegawai yang melahirkan anak dalam tempoh program;
- Keluarga terdekat yang meninggal dunia; atau
- Keadaan kecemasan lain yang difikirkan munasabah dan dibenarkan oleh Ketua Urus Setia PTM.

Mengulang semula segmen yang belum lengkap sahaja

Pegawai Yang Gagal PTM

- Disebabkan masalah disiplin dan komitmen tidak dibenarkan mengulang semula PTM
- Ditamatkan perkhidmatan

Rumusan Program Trasformasi Minda

TUJUAN:

Satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan menggantikan Kursus Induksi

PEGAWAI YANG DISYARATKAN:

Pegawai lantikan pertama & Pegawai tempoh percubaan (belum hadir Induksi Umum)

TEMPOH:

5 hari

PELAKSANAAN:

Di UTeM atau tumpang di mana-mana Kementerian/Negeri/Agensi yang dipersetujui Panel Pengurusan PTM

KURIKULUM:

Negara dan Perkhidmatan Awam
Peranan dan Tanggungjawab Pegawai
Budaya Kerja Kelas Pertama

KAEDAH PEMBELAJARAN :

Latihan dalam kumpulan (LDK)/Sesi interaktif/
Ujian psikometrik/Perbincangan kes/Kuiz/
e-pembelajaran

**PANEL
PENGURUSAN
PTM**

Sijil hadir dengan jaya





Lawatan Kerja Ke Universiti Terbuka Malaysia "Open University Malaysia" (OUM)

Demi menambahbaik sistem penyampaian dan perkhidmatan yang lebih berkesan, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Terbuka Malaysia (OUM) pada 27 Januari 2013.

Lawatan ini direncanakan bagi melihat dengan lebih mendalam pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Pengarah OUM dan memberi fokus terhadap kaedah pelaporan yang digunakan oleh Pihak Pengurusan Universiti tersebut terhadap Lembaga Pengarah.

Delegasi UTeM diketuai oleh Encik Masdzarif bin Hj. Mahat, Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Encik Azmin Fadli bin Mahyuddin, Penolong Pendaftar, Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, dan empat (4) orang pegawai lain dari Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan.

Delegasi UTeM telah dibawa ke Bilik Mesyuarat Mawar, Aras 1, OUM.

Pihak OUM diwakili oleh Puan Kamariah Mohd Noor, Pendaftar/Pengurus Besar Kanan (HRM), Datin Halimatolhanin Mohd Khalid, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Puan Ruzita Ramly, Pengarah Institut Kualiti, Penyelidikan dan Inovasi, Encik Aduka bin Ismail, Pengurus Kanan, Bahagian Perancangan dan Perkhidmatan dan Puan Norzita A Aziz, Eksekutif Kanan, Pusat Komunikasi Korporat.

Lawatan tersebut telah dimulakan dengan tayangan video korporat OUM. Sebagai makluman, Universiti Terbuka Malaysia atau lebih dikenali dengan Open University Malaysia (OUM) merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang telah ditubuhkan dan dimiliki oleh Multimedia Technology Enhancement Operations (METEOR) Sdn. Bhd. OUM.

Ia sebuah IPTS yang pertama yang menggunakan kaedah 'ODL' (*Open Distance Learning*) secara interaktif. Sejalan dengan moto OUM iaitu Universiti Untuk Semua, kini OUM mempunyai Pusat Pembelajaran di hampir seluruh Malaysia dan tujuh pusat pembelajaran di luar negara. OUM menyediakan pelbagai program pengajian dari peringkat Diploma ke PhD.

INFO

Perbincangan seterusnya adalah mengenai proses pengurusetiaan Mesyuarat Lembaga Pengarah OUM oleh Datin Halimatolhanin Mohd Khalid, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat. Mesyuarat Lembaga Pengarah OUM telah direncanakan sebanyak empat (4) kali setahun iaitu menggunakan kaedah pelaporan suku tahunan. Pelbagai maklumat mengenai proses pengurusan Mesyuarat Lembaga Pengarah telah dilontarkan pada sesi ini.

Pada lawatan ini, perkara yang menarik perhatian delegasi UTeM adalah kaedah penyampaian pelaporan yang dilaksanakan oleh OUM kepada pihak Lembaga Pengarah. Pelaporan suku tahunan pihak Pengurusan Universiti yang menggunakan Sistem Balanced Scorecard (BSC) telah memberi kemudahan kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengetahui pencapaian semasa Universiti.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian cenderahati pihak Universiti kepada pihak OUM. Dan diikuti dengan lawatan ringkas ke Bilik mesyuarat yang digunakan untuk Mesyuarat Lembaga Pengarah. Lawatan berakhir pada jam 4.30 petang.

Kunjungan Ilmiah

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

13 Mac 2013 - Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima kunjungan ilmiah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kunjungan tersebut telah diketuai oleh Puan Norrifilzah Shahari, Penolong Pendaftar, Bahagian Governan dan Pentadbiran Am, Puan Siti Aishah Naim, Penolong Pegawai Tadbir, dan Puan Noor Azreena Abd Malek, Pembantu Tadbir.

Kunjungan ilmiah ini bertujuan untuk berkongsi ilmu berkenaan proses pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Pengurusan Polisi, Pekeliling dan Peraturan di Universiti serta Pengurusan Fail.

Perbincangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti tersebut telah dipengerusikan oleh Encik Masdzarif bin Hj. Mahat, Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan serta beberapa orang pegawai dari Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar UTeM.

Perbincangan telah dimulakan dengan pembentangan proses kerja dan sistem yang digunakan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan diikuti dengan pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Pelbagai maklumat telah dapat dikongsikan bersama terutama mengenai pelaksanaan dan cadangan untuk memperingkatkan kualiti pengurusetiaan mesyuarat.

Seterusnya, sesi perbincangan diteruskan dengan pembentangan pengurusan fail Pejabat Pendaftar yang dibentangkan oleh Puan Zaihasrah binti Alias, Penolong Pendaftar, Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar.



oleh: Wan Nazri Shukri bin Kamari Baharin



INFO

Kunjungan ilmiah ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati pihak USIM kepada pihak UTeM dan diikuti dengan lawatan ringkas ke bilik mesyuarat yang digunakan untuk Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti. Lawatan berakhir pada jam 1.20 petang.

Respon yang positif telah diterima daripada kedua-dua universiti hasil daripada kunjungan ilmiah ini. Antaranya, perbincangan seperti ini dilihat sebagai titik permulaan antara kedua-dua universiti dalam membina jaringan ukhwah yang seterusnya membolehkan kedua-dua belah pihak untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi idea demi mempertingkatkan kualiti dan prestasi perkhidmatan di organisasi masing-masing.

Semoga dengan jaringan yang terbina ini dapat mempertingkatkan kualiti dan pencapaian kedua-dua buah universiti terutama dari aspek hal ehwal pentadbiran dan pengurusan.

New Baby



oleh: Faridah binti Ahmad



Arissa Qaisara Binti Muhammad Rashdan

13 Januari 2013

Nama Ibu:
Rafedah Binti Sajadi



Nurdina Aliya Binti Mohd Yazid

11 Februari 2013


Nama Ibu:
Noor Asyikin Binti Sulaiman



Muhamad Hadi Bin Mohd Alwi

4 Mac 2013

Nama Ibu:
Masliana Binti Razali



Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Nurul Izzatul Syima binti Mohamad Suhaili

26 Januari 2013



Senyumlah duhai diri...



#1 SENTIASALAH POSITIF

Tanya pada diri kita, mengapa bila sesuatu berlaku, kita akan pilih untuk berfikir secara negatif. Dan kemudian, kita sendiri yang menanggung emosi negatif. Secara tidak langsung, kita sendiri yang memilih untuk menerima perasaan-perasaan negatif. Bila marah, mulalah tak tentu arah. Menuding jari mencari salah. Semuanya salah orang lain, silap diri sendiri sorok dalam kain!

Ada satu kisah, seorang wanita dibuang kerja. Lama dia bermuram durja. Menangisi nasib diri. Berhari-hari termenung memikirkan surat. Dan akhirnya menyalahkan diri, menghukum diri. Berterusan merasa sedih.

Tapi, bukankah kita sendiri yang pilih untuk merasa negatif? Sedangkan kita ada hak untuk pilih merasa positif. Kita boleh gembira, tapi kita pilih berduka. Kita boleh bahagia, tapi kita pilih sengsara.

Seorang rakan yang bersimpati bertanya...

Rakan : Kenapa kau sedih?

Wanita: Kena buang kerja.

Rakan : Menangis, termenung sampai 2-3 hari?

Wanita: Sedih sangat.

Rakan : Kalau sedih-sedih macam ni, esok kau dapat semula kerja tu ke?

Wanita: Tak. Tak mungkin.

Rakan : Jadi, apa gunanya bersedih kalau ia tak mengubah surat? Apa salahnya kalau kau redha, tenang, bahagia dan gembira walau dibuang kerja? Sekurang-kurangnya kau gembira walau dibuang kerja, berbanding kau dibuang kerja dan bersedih.

Nah, sekarang kita tanya pada diri, mengapa perlu kita berterusan berfikir negatif dan merasa negatif sedangkan kita mampu dan boleh berfikir positif dan merasa positif?

Kunci untuk sentiasa POSITIF adalah REDHA. Redha dengan apa yang berlaku. Redha bahawa yang berlaku adalah ketentuannya, perancangannya. Kita kan tahu perancangannya adalah yang terbaik. Apa yang berlaku jadikan panduan agar bahagia di masa hadapan. Yang dah berlaku, biarkan berlaku. Usah lagi dikenang-kenang. Kan P. Ramlee dah pesan... **'barang yang lepas hai jangan dikenang, kalau dikenang meracun diri...'**

#2 BERSANGKA BAIK

Satu petang di taman rekreasi. Seorang lelaki lingkungan umur 40an duduk di sebuah bangku panjang. Diam. Wajahnya sugul tertunduk. Berhampirannya, berlari-lari 2 orang anak kecil. Seorang berumur 4 tahun dan seorang lagi 7 tahun. Anak-anak ini berlari bebas menjerit-jerit. Langsung tidak menghiraukan pengunjung taman yang lain. Tingkahlaku anak-anak ini bagaikan tidak terkawal. Bunga-bunga di taman dipatahkan. Tong sampah diterbalikkan.

Pengunjung yang sedari tadi memerhati, sudah mula menggelengkan kepala. Merungut-rungut. Tingkahlaku anak-anak kecil itu betul-betul mengganggu aktiviti rehat dan santai mereka. Lebih menambah kemarahan apabila melihat si ayah yang sedikitpun tidak berusaha mengawal anak-anaknya. Ada antara mereka mula bersungut, mencemuh.

'Tak tahu jaga anak ke?'
'Anak siapa lah ni, perangai macam ...'


Dan dek rasa marah yang semakin menebal, bangun seorang lelaki di antara pengunjung taman, berjalan menghampiri lelaki sugul yang duduk di bangku panjang itu. Tanpa salam perkenalan, kata-kata kesat dihamburkan kepada lelaki di bangku.

'Woi, tak reti jaga anak ke? Anak kau dah macam apa perangai, kau boleh buat bodoh je. Anak kau dah ganggu orang lain nak berehat.'

Lelaki dibangku tergamam. Tersentak dia dari lamunan. Dengan rasa bersalah dan suara bergetar, perlahan-lahan dia bersuara.

'Maaf encik. Maaf sangat-sangat. Maafkan anak-anak saya. Sebenarnya, mereka tengah marah, sebab saya tak temukan mereka dengan ibu mereka. Dah seminggu mereka berperangai macam tu. Sebenarnya, saya tak tahu nak terangkan pada mereka bahawa ibu mereka dah seminggu MENINGGAL DUNIA. Maafkan saya encik'. Dan lelaki di bangku mencapai tangan anak-anaknya seraya berlalu pergi.

Sekarang, kita nilai semula diri kita. Biasa kan kita bersikap begitu? Terburu-buru menilai, tanpa cuba bersangka baik. Bersangka baiklah pada apa yang berlaku, kerana pasti ada cerita di sebalik setiap sesuatu.



Coretan Aktivi Bahagian Kesejahteraan Personel

Tarikh : Khamis, 13 Disember 2012
Program : Motivasi Bulanan
Tajuk : **Keluarga 69?**
Skop Kupasan : Keluarga Bahagia
Penceramah : Ustaz Nizam bin Ali
Pegawai Agama, Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang



DIDIKAN UNTUK ANAK

Tanam asas keimanan
Adil dalam setiap hal
Asuh dengan lembut
Pamer akhlak mulia
Kasihi mereka
Berikan pendidikan
Ajar asas dalam Islam

TANGGUNGJAWAB SUAMI

Nafkah zahir batin
Sedia keperluan asas
Selesaikan masalahnya
Berikan kasih sayang
Berikan nasihat
Jaga fizikal dan hati isteri

TANGGUNGJAWAB ISTERI

Hormati suami
Layan dengan kasih sayang
Jaga rahsia, maruah
Jaga aurat dan pandangan mata
Urus harta suami dengan bijak
Menjaga, menyayangi keluarga

Tarikh : Khamis, 17 Januari 2013
Program : Motivasi Bulanan
Tajuk : **Poket Kering!**
Skop Kupasan : Pengurusan Kewangan
Penceramah : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Cawangan Melaka

5 STRATEGI JIMAT WANG

1. Amalkan makan di rumah
2. Jimat penggunaan minyak kereta
3. Amalkan menabung
4. Jimat penggunaan air dan elektrik
5. Beli barang yang diperlukan sahaja

6 TIPS URUS HUTANG

1. Elak hutang menjadi bos anda
2. Peka dengan jumlah sebenar hutang
3. Minimakan perbelanjaan
4. Belanja ikut bajet
5. Adakan pendapatan sampingan
6. Tidak bertanggguh membayar hutang



Tarikh : Khamis, 21 Februari 2013
Program : Motivasi Bulanan
Tajuk : **Kecek Molek**
Skop Kupasan : Komunikasi Berkesan
Penceramah : Encik Mohd Akmal bin Mustapa
Pegawai Psikologi, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan



ETIKA KOMUNIKASI

Sikap jujur. Tidak menuduh.
Nilai bersama. Memberi gambaran
tepat. Berkata benar. Mematuhi
etika. Selaras.
Tidak mengganggu. Bersikap positif

TEKNIK KOMUNIKASI TANPA LISAN (SOFTEN)

- S Smile
- O Open Posture
- F Forward Lean
- T Touch
- E Eye Contact
- N Nod

KOMUNIKASI MESRA

Faham dan selami perasaan
Beri peluang orang berkongsi
Belajar bahasa mereka
Berikan keutamaan kepada mereka
Sedia terima/bantu
Ceria

KOMUNIKASI MESRA

Jujur dengan diri
Tingkatkan kemahiran mendengar
Katakan dengan hormat
Wujudkan keterampilan
Tahu bila untuk bertanya
Berpandangan positif

48,591 Pengunjung.....


di Jom Masuk "U"



Selepas Zon Kuala Lumpur, Sabah dan Kedah, KPTN 2013 singgah pula di Zon Melaka, Negeri Bersejarah. Bagi zon ini, UTeM sekali lagi telah dipertanggungjawabkan sebagai Urus Setia Bersama bagi menyelaras serta menjayakan karnival tersebut yang bermula pada 23 sehingga 24 Februari 2013 (Sabtu dan Ahad) yang lalu bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka.

Bagi zon ini, seramai 48,591 orang pengunjung yang hadir memeriahkannya berbanding jumlah anggaran awal pengunjung iaitu seramai 30, 000 orang sahaja.





Secara ringkasnya, karnival ini bertujuan menjadi Pusat Seheni (One-Stop Centre) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, pelajar, ibu bapa, guru dan komuniti setempat. Ini bagi mendapatkan seberapa banyak maklumat yang tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi, pembiayaan dan sebagainya terutamanya bagi Lepasen SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf sama ada bagi program pengajian Matrikulasi/Asasi, Diploma, Ijazah Pertama, Sijil dan sebagainya.

Tujuan utama pelaksanaan KPTN:

1. Menyebarluaskan maklumat mengenai program pengajian baru yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam, Institusi Latihan Kemahiran dan institusi lain mulai Sesi Akademik 2013/2014;
2. Mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke IPTA dan Institusi Latihan Kemahiran melalui Aplikasi Dalam Talian;
3. Mempromosi serta menyebarluaskan maklumat mengenai Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Latihan Kemahiran dalam negara serta agensi lain yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.



Pejabat Pendaftar: Bengkel Pelan Strategik



Bengkel Pelan Strategik Pejabat Pendaftar telah diadakan pada 31 Januari 2013 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC). Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hasan bin Sirun selaku Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Bengkel Pelan Strategik Pejabat Pendaftar ini diadakan adalah bagi membincangkan halatuju yang ingin dicapai oleh Pejabat Pendaftar untuk tahun 2013. Bengkel ini dihadiri oleh Ketua Timbalan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar Kanan dan juga para pegawai dari bahagian-bahagian di Pejabat Pendaftar.

Di dalam penyediaan Pelan Strategik Pejabat Pendaftar, penanda aras ("bench mark") adalah berdasarkan kepada "Outcome base budget" (OBB). Tema ini adalah berasaskan perutusan YBhg. Datuk Naib Canselor yang telah diadakan pada 30 Januari 2013 di Dewan Besar, UTeM dengan Slogan:

MENJULANG
KUALITI & inOVASI
MEMPERKASA **keunikan** TERPUJI



Kursus Kaedah Penyelidikan



oleh: Mohd Nazul bin Mohd Shafiq

Anjuran Bahagian Cuti Belajar

1-6 Februari 2013

Ancasa Allsuites Spa & Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan

Kursus Kaedah Penyelidikan Siri 1/2013 telah diadakan pada 1 hingga 6 Disember 2012 bertempat Ancasa Allsuites Spa & Resort, Port Dickson. Manakala pada 8 Februari 2013 diadakan di Makmal Kejuruteraan Pengkalan Data 2, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) serta Perpustakaan UTeM.

Kursus ini turut menerima kehadiran khas daripada Naib Canselor UTeM iaitu YBhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan dipengerusikan oleh Encik Akmal bin Abdul Manap selaku Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar. Program ini telah disertai seramai 40 orang peserta termasuk 4 orang peserta luar dari Unisza.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan terhadap beberapa perspektif, halatuju dan kaedah-kaedah kuantitatif dalam penyelidikan. Di samping itu, ia juga mendedahkan asas-asas dan pengetahuan kaedah penyelidikan dan analisis statistik agar staf dapat mengikuti program ijazah lanjutan dengan lebih berkesan.

Kursus ini menjadi platform kepada para peserta untuk lebih bersedia menghadapi pengajian di peringkat tertinggi agar berjaya memperolehi kejayaan dengan membawa pulang segulung Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Sarjana dengan jayanya. Bagi mencapai matlamat tersebut bahagian ini telah melantik penceramah-penceramah yang berpengalaman luas untuk turut serta dalam perkongsian ilmu berkaitan asas persampelan, kaji selidik, analisa data, eksperimen dan seterusnya penulisan jurnal serta kertas penyelidikan.



AN CASA ALLSUITES
RESORT & SPA
PORT DICKSON • MALAYSIA

KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN
SIRI 1/2013
ANJURAN BAHAGIAN CUTI BELAJAR
PEJABAT PENDAFTAR
1-6 FEBRUARI 2013

INFO

Pada sesi kursus ini, YBhg. Datuk. Naib Canselor UTeM berharap kesemua staf yang mengikuti kursus ini akan membawa pulang segulung Ijazah PhD dan Ijazah Sarjana dengan jayanya. Staf juga berkemampuan untuk mengharungi cabaran yang mendatang selari dengan peranan pensyarah untuk membentuk generasi bangsa yang berdaya saing di peringkat globalisasi.



Penukaran Penempatan Staf Pentadbiran



**Tarikh Pertukaran Penempatan:
1 Mac 2013**

Pertukaran penempatan staf atau pusingan kerja merupakan satu kaedah pembangunan pengurusan yang dipraktikkan di UTeM di mana seseorang staf dipindahkan melalui jadual tugas kerja supaya menjadi lebih cekap. Pertukaran penempatan staf yang biasa diamalkan adalah:

Sistem pusingan kecil membabitkan pertukaran staf dari satu bahagian ke bahagian lain dalam Pusat Tanggungjawab (PTj) yang sama.

Sistem pusingan besar pula ialah pertukaran staf dari satu bahagian di Pusat Tanggungjawab ke bahagian Pusat Tanggungjawab lain.

OBJEKTIF

Memberi peluang kepada pendedahan kerja baru untuk menambah pengetahuan, kemahiran dan pengalaman


Melatih staf menjadi seorang yang 'multi skill' dan 'multi tasking' dalam pelbagai bidang tugas melibatkan pengurusan akademik, pentadbiran dan pengurusan sumber manusia, pengurusan hal ehwal pelajar dan lain-lain

Peluang peningkatan kemajuan kerjaya bagi staf yang telah lama berkhidmat di sesebuah PTj

Menempatkan staf yang mempunyai kelayakan akademik/kemahiran/pengalaman yang berkaitan di PTj yang bersesuaian dengan potensi staf agar boleh menyumbang kepada pengurusan dan pentadbiran yang lebih efektif

Keperluan yang tinggi di sesebuah PTj memerlukan Pejabat Pendaftar membuat penstrukturan semula penempatan staf (resizing) di kalangan staf pentadbiran bagi memastikan penggunaan staf dioptimumkan sepenuhnya

Permohonan dari staf/Ketua Pusat Tanggungjawab. Pertukaran penempatan dipertimbangkan atas kes yang kritikal sahaja bagi memastikan persekitaran kerja yang harmoni serta memastikan fungsi organisasi tidak terjejas



Saya berpendapat proses pertukaran ini amat baik dari segi penambahan pengalaman dan pengetahuan bagi staf yang telah lama berada di sesuatu PTJ tersebut. Sebagai organisasi yang besar, proses ini juga membolehkan staf yg altukar ke pejabat baru mengenali staf-staf yg lain dan memahami situasi sebenar PTJ yg berada di sekitar mereka

Penghijrahan.....bermullalah seribu langkah ke hadapan yang memerlukan segunung pengorbanan untuk menerajui setiap titik keganjilan yang tiada noktah. Turun naik pengalaman hebat dalam mengukir senyuman dan tangisan apabila terciptanya kejayaan demi kejayaan.

Tanggal 1 Mac 2013, telah meninggalkan seribu kenangan di FTK dan membuka langkah baru di BDQ dengan sokongan tenaga kerja yang bagaikan sebuah keluarga, berdedikasi, komited dan sentiasa mengukirkan keceriaan serta sentiasa menghiburkan mencuit gelak tawa, tidak menghalang dalam menghasilkan mutu kerja yang berkualiti

PELAKSANAAN

Pertukaran penempatan staf antara Pusat Tanggungjawab telah dilaksanakan di kalangan beberapa staf pentadbiran berkuat kuasa mulai 1 Mac 2013. Antara staf-staf yang terlibat adalah:

Nama	Penempatan Asal	Penempatan Terkini	Fungsi utama di penempatan terkini
Marsita binti Taib Penolong Pendaftar Kanan N44	Pejabat Naib Canselor, Canselori	BPA, Pejabat Pendaftar	Unit Peperiksaan - Menguruskan hal ehwal peperiksaan pelajar Ijazah Sarjana Muda dan Diploma UTeM - Jadual pengkuliah
Murni binti Abu Penolong Pendaftar N41	HRD, Pejabat Pendaftar	Penerbit Universiti	- Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan di Penerbit
Rafidah binti Md Dusa Penolong Pendaftar N41	Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)	Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP)	- Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan PPP
Zainuddin bin Abdul Hamid Penolong Pendaftar N41	Pejabat HEPA	Pejabat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan	- Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan - Menguruskan pembangunan usahawan teknikal dan inovasi di kalangan pelajar dan graduan UTeM
Azman bin Mat Aris Penolong Pendaftar N41	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	Pejabat Pembangunan	- Menguruskan sewaan bangunan Universiti - Upacara Universiti
Zulfatria bin Abdullah Penolong Pendaftar N41	Pusat Pengajian Siswazah	Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat, Canselori	- Menguruskan sidang media, keratan akhbar, pameran luar UTeM serta lawatan dari luar
Hasan Salleh Penolong Pendaftar N41	CRIM, Canselori	Pejabat HEPA	- Menguruskan tatatertib pelajar dan menguruskan program/aktiviti berkaitan keagamaan kepada pelajar
Norazah binti Mohamed Yazid Penolong Pendaftar N41	Pusat Pengajaran dan Pembelajaran	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	- Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan di FKP
Mohamad Khairulhusaini bin Mohd Saad Penolong Pendaftar N41	Pejabat Perancangan & Komunikasi Korporat, Canselori	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	- Menguruskan hal ehwal pentadbiran di FTK
Mohd Farid bin Mohd Khalid Penolong Pendaftar N41	UTeM Holdings, Sdn. Bhd.	Pejabat Naib Canselor	- Memastikan jadual Naib Canselor (NC) yang dirancang berjalan dengan lancar - Menyediakan teks ucapan, slaid persembahan NC
Muhamad Zulkhalid bin Md Isa Penolong Pendaftar N41	Pejabat Perpustakaan	Unit Keusahawanan, Pejabat HEPA	- Membantu menguruskan prasarana dan menyediakan modal bagi menjalankan aktiviti keusahawanan pelajar
Laila Zahidah binti A. Rahman Penolong Pendaftar N41	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	BDQ, Pejabat Pendaftar	Unit Jaminan Kualiti, BDQ - Pengurusan MS ISO 9001:2008 Pejabat Pendaftar - Menguruskan MPK dan Fail Meja Universiti
Ernawatie binti Md Sah Penolong Pendaftar N41	Penerbit Universiti	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	- Pentadbiran fakulti seperti, kehadiran staf, cuti, dokumen, latihan staf (Akademik & Bukan Akademik), infrastruktur pejabat (tempahan ruang, kerosakan dsb)
Dennoo Aizad Abadi bin Md Noh Penolong Pendaftar N41	Pejabat Pembangunan	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat, Canselori	- Menguruskan pusat penempatan pekerjaan kepada pelajar tahun akhir dan alumni UTeM
Hazrin binti Kassim Penolong Pendaftar N41	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	HRD, Pejabat Pendaftar	Unit Kompetensi - Menguruskan program pembangunan profesional berterusan (CPD) Universiti
Nor Hanizah binti Sapuan Penolong Pendaftar N41	BDQ, Pejabat Pendaftar	Pejabat Perpustakaan	- Menguruskan hal ehwal pentadbiran, latihan dan kewangan Pejabat Perpustakaan
Mohd Adznan bin Mohd Nayan Penolong Pendaftar N41	BPA, Pejabat Pendaftar	Pusat Pengajian Siswazah (PPS)	- Menguruskan hal ehwal kebajikan dan kemudahan pelajar - Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan di PPS - Penyediaan bahan-bahan promosi
Ghafar bin Othman Penolong Pegawai Tadbir Kanan N32	BPO, Pejabat Pendaftar	CRIM, Canselori	- Menguruskan hal ehwal pentadbiran, kewangan dan pengurusan sumber manusia - Menguruskan dokumentasi penyelidik-penyelidik UTeM

Tamat Pengajian



oleh: Norida binti AZS

Dr. Abd Majid bin Darsono (00508)

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Statistical Signal Processing
pada 20 Disember 2012 dari Newcastle University, United Kingdom

Dr. Zaleha binti Mustafa (00994)

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Biomaterials
pada 18 Januari 2013 dari University of Glasgow, United Kingdom

Dr. Suhaila binti Salleh (00135)

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Corrosion Science
And Engineering
pada 8 Januari 2013 dari The University of Manchester, United Kingdom

Dr. Mai Mariam binti Mohamed Aminuddin (00189)

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Biomedical
Engineering
pada 18 Disember 2012 dari Saarland University Of Applied Science,
Jerman

Ijazah Sarjana

Mohamad Fani bin Sulaima (01901)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Elektronik Industri Dan Kawalan)
pada 28 Februari 2013 dari Universiti Malaya (UM).

Atikah binti Razi (01998)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Elektronik Industri Dan Kawalan)
pada 28 Februari 2013 dari Universiti Malaya (UM)

Haziezol Helmi bin Mohd Yusof (01975)

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Elektronik Industri Dan Kawalan)
pada 28 Februari 2013 dari Universiti Malaya (UM)

Ijazah Doktor Falsafah

Dr. Norida binti Abdullah (00649)

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI)
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kaunseling
pada 15 Oktober 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

TAHNIAH!

Dr. Asmala bin Ahmad,

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
PhD, University of Sheffield, UK – 3 Januari 2013

Alhamdulillah rabbil alamin, segala puji bagi Allah S.W.T. Rabb sekalian alam. Dengan izin, limpah kurnia dan rahmatNYA, pengajian Ijazah Kedoktoran saya dalam bidang Matematik Gunaan (*Applied Mathematics*) dengan pengkhususan *satellite remote sensing* di University of Sheffield, United Kingdom, telah berjaya disempurnakan.

Ucapan setinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah menaja pengajian PhD ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada penyelia saya iaitu Profesor Shaun Quegan di atas sokongan dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan kajian PhD ini.

Selautan ucapan *jazakallah-hu-khairan-khathira* buat ibu dan ayah tersayang, hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalas segala pengorbanan, sokongan dan doa kalian yang tidak mengenal jemu. Juga, kepada isteri dan anak-anak yang dikasihni kerana telah sudi menenangkan saya dalam menempuh pahit manis semasa di perantauan, terima kasih atas sokongan dan doa kalian yang dipanjatkan saban hari. Tidak lupa, terima kasih juga buat warga CTCD (Centre for Terrestrial Carbon Dynamics, University of Sheffield), rakan-rakan FTMK dan seluruh warga UTeM di atas kejayaan ini.

Tajuk Penyelidikan PhD saya ialah **“Atmospheric Effects on Land Cover Classification and Their Correction”** iaitu **satu penyelidikan bagi membangunkan kaedah untuk mengurangkan kesan atmosfera, daripada imej satelit supaya maklumat pengelasan permukaan bumi dapat diekstrak dengan lebih efektif.**

Data utama yang digunakan adalah imej yang direkodkan oleh penerima satelit MODIS (Moderate Resolution Imaging Spectroradiometer) pada satelit Terra dan TM (Thematic Mapper) pada satelit Landsat-5, kepunyaan NASA (National Aeronautics and Space Administration), USA. Satelit-satelit ini berada di ruang angkasa pada ketinggian 705 km dari permukaan bumi dan berupaya merekodkan imej multispectral dalam julat gelombang nampak, inframerah dan inframerah termal dengan resolusi 1000 m hingga 30 m.

Kawasan kajian ini adalah di Klang, Selangor, Malaysia yang mana mempunyai pelbagai jenis litupan tanah seperti hutan, kelapa sawit, getah, kelapa dan perbandaran. Bagi merealisasikan matlamat kajian ini, kesan atmosfera terhadap imej satelit perlu dikaji dan difahami terlebih dahulu. Ini melibatkan analisis spektral dan juga analisis statistik.

Analisis spektral melibatkan kajian keamatan tenaga electromagnetik yang diukur oleh penerima satelit, manakala analisis statistik merujuk kepada analisis pengukuran dari segi purata, sisihan piawai, korelasi, sempadan ruang dan sebagainya.

Fasa berikutnya adalah membangunkan simulasi jerebu terhadap imej satelit bagi jarak penglihatan baik (20 km) hinggalah ke buruk (0.5 km). Dengan simulasi ini, kesan jerebu terhadap pengelasan litupan tanah dalam imej satelit dapat dikaji secara sistematik.

Susulan daripada ini, satu teknik bagi mengurangkan kesan jerebu daripada imej satelit telah dibangunkan dengan mengambilkira pengiraan kepekatan jerebu dan taburan jerebu. Ini melibatkan proses yang kompleks, termasuk penolakan (*subtraction*) dan penapisan (*filtering*) keamatan jerebu.

Hasil yang diperolehi diuji secara kualitatif dan kuantitatif bagi menilai sejauh mana pembetulan yang dibuat mampu meningkatkan ketepatan pengelasan litupan tanah yang terlibat. Akhirnya teknik ini diuji ke atas imej satelit bagi kawasan lain dan hasil yang diperolehi telah dibandingkan dengan teknik lain.

Perbandingan menunjukkan teknik yang dibangunkan memberikan hasil yang lebih baik daripada teknik yang sedia ada.

Alhamdulillah, kini sebahagian hasil kajian PhD ini telah dikongsi dengan masyarakat antarabangsa melalui penerbitan jurnal dan prosiding yang berimpak tinggi. Kepakaran yang dirintis dalam bidang ini juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dengan pelantikan sebagai penilai bagi International Journal of Remote Sensing (dengan *impact factor* 1.117) terbitan Taylor & Francis, United Kingdom.

Dengan kejayaan PhD ini, saya berazam untuk terus meningkatkan sumbangan saya kepada UTeM seiring dengan misi dan visi UTeM agar “berdiri sama tinggi” dengan universiti-universiti terulung di Malaysia mahupun di dunia.

INFO

Bilik di mana penyelidikan saya dijalankan. Bergambar bersama Lawrence Chan, pelajar PhD daripada Hong Kong.




Bangunan Pejabat Naib Canselor University of Sheffield.



Imej penerima MODIS pada satelit Terra.



Satelit Terra



Satelit Landsat-5



- Urban
- Industry
- Oil palm
- Rubber
- Coastal swamp forest
- Coconut
- Dryland forest
- Cleared land
- Bare land
- Sediment plumes
- Water

Imej penerima TM pada satelit Landsat-5



Dr Wan Hasrulnizzam Wan Mahmood
 Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
 PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia – 29
 Oktober 2012

Syukur kepada Illahi kerana berkat dan izinNYA saya telah berjaya memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Mekanik dan Bahan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Penghargaan ini juga ditujukan kepada penaja, iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang membiayai pembelanjaan penyelidikan dan lain-lain bantuan kewangan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Ab Rahman dan Prof. Dr. Hj. Baba Md Deros, selaku penyelia bersama yang banyak memberikan pandangan, teguran, nasihat, dorongan serta motivasi untuk menguatkan lagi semangat saya untuk menamatkan pengajian dalam tempoh tiga tahun dan tiga bulan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada bonda, isteri, anak-anak dan keluarga tercinta kerana tidak pernah jemu memohon doa kepada Illahi untuk kejayaan ini. Rakan-rakan terutamanya di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, UKM dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, UTeM kerana turut sama membantu melicinkan perjalanan pengajian PhD. Tidak lupa juga kepada Bahagian Cuti Belajar, UTeM kerana memberikan kerjasama serta motivasi kepada saya untuk mendapat PhD dalam tempoh singkat.

Penyelidikan PhD berfokuskan kepada penambahbaikan amalan pembuatan hijau menerusi pendekatan pengurusan rantai pembekalan meningkatkan kesedaran pihak industri pembuatan amnya untuk melestarikan alam sekitar dan teknologi.

Sebanyak 6 jurnal dan 9 artikel dalam prosiding diterbitkan dalam tempoh pengajian membuktikan pentingnya penyelidikan yang dijalankan. Penyelidikan ini juga berteraskan kepada teknik sistem pakar berupaya meningkatkan kekuatan analisis dan perbincangan.

Saya juga bersyukur kerana kurang daripada tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian, terdapat 6 pelajar PhD bersetuju mendapatkan perkhidmatan penyeliaan. 3 sebagai penyelia utama, dan 3 sebagai penyelia bersama termasuk penyeliaan seorang pelajar luar iaitu dari Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Semoga kejayaan PhD ini, menjadi perangsang kepada saya untuk bersama staf UTeM yang lain dalam memacu transformasi penyelidikan yang berimpak, seterusnya memartabatkan UTeM dan negara di persada dunia.

Carta Organisasi Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, (BDQ) Pejabat Pendaftaran



MASDZARIF BIN HJ. MAHAT
TIMBALAN PENDAFTAR (N48)




NOR BAITY BINTI KAMAL BAHRIN
SETIAUSAHA PEJABAT (N27)

Objektif

"Memberi khidmat pengurusan yang cekap dan berkesan kepada Lembaga Pengarah Universiti serta lain-lain mesyuarat utama universiti"

"Memberi khidmat sokongan dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dan universiti melalui penyebaran maklumat, penguatkuasaan dan pemantauan pekeliang-pekeliang, statut-statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang berkaitan"

"Merancang, melaksana dan memantau penambahbaikan yang bersesuaian kepada sistem pengurusan dan pentadbiran universiti ke arah pengurusan kualiti yang berkesan"



“Jom jenguk-jenguk” Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan

Keluaran Teras Edisi Ke-16 kali ini menjenguk pula ke Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan (BDQ). Di dalam ruangan ini, anda akan lebih mengenali dengan lebih dekat warga kerja di BDQ.

BDQ adalah salah satu daripada tujuh unit di bawah pentadbiran Pejabat Pendaftar. Antara objektif di BDQ adalah seperti berikut:-

Memberi Khidmat Urus Setia Yang Cepak Dan Berkesan Kepada Lembaga Pengarah Universiti, Majlis Eksekutif Serta Lain-lain Mesyuarat Utama Universiti

Memberi Khidmat Sokongan Dalam Pelaksanaan Dasar-dasar Kerajaan Dan Universiti Melalui Penyebaran Maklumat, Penguatkuasaan Dan Pemantauan Pekelling-pekelling, Statut-statut, Kaedah-kaedah Dan Peraturan-peraturan yang berkaitan

Merancang, Melaksana Dan Memantau Penambahbaikan Yang Bersesuaian Kepada Sistem Pengurusan Dan Pentadbiran Universiti Ke Arah Pengurusan Kualiti Yang Berkesan

Secara dasarnya pentadbiran di BDQ diketuai oleh Timbalan Pendaftar iaitu En. Masdzarif bin Hj. Mahat dan dibantu oleh Setiausaha Pejabat Pn. Nor Baiyya binti Kamal Bahrin bersama 12 staf di bawah kawalan Ketua Unit BDQ.

Berikut merupakan fungsi Unit di Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan:-

Unit Jaminan Kualiti

Fungsi:

1. Pengurusan MS ISO 9001 : 2008 Pejabat Pendaftar (Skop : Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia):
 - a. Dokumentasi
 - b. Audit Kualiti
2. Pengurusan MS ISO 9001 : 2008 Universiti (Skop: Pengajaran dan Pembelajaran) berhubung Pejabat Pendaftar;
3. Pengurusan Dokumen-Dokumen Rasmi Dan Borang-Borang Universiti;
4. Pengurusan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) Universiti;
5. Sekretariat Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Pejabat Pendaftar;
6. Sekretariat Jawatankuasa Pemandu MS ISO 9001: 2008 Pejabat Pendaftar;
7. Sekretariat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001: 2008 Pejabat Pendaftar;
8. Penyelarasan Laporan Pengauditan oleh Jabatan Audit Negara (JAN);
9. Penyediaan Laporan Tahunan/bulanan bagi aktiviti kendalian unit;
10. Penyediaan bajet unit;
11. Penganjuran kursus/bengkel/seminar/taklimat berkaitan unit.



Laila Zahidah
binti A. Rahman



Linda Herdani
binti Raman

Fungsi:

1. Pengurusan Pengukuran Prestasi (*Performance Measurement*);
2. Pengurusan Penilaian Prestasi (*Performance Appraisal*);
3. Pengurusan Pengiktirafan Prestasi (*Performance Rewarding/recognition*);
4. Penganjuran Majlis Hari Kualiti/Inovasi;
5. Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti;
6. Pengurusan penerbitan Buletin Pejabat Pendaftar;
7. Sekretariat Jawatankuasa Pemandu KIK Universiti;
8. Sekretariat Jawatankuasa Pelaksana KIK Universiti;
9. Sekretariat Sidang Redaksi Buletin TERAS Pejabat Pendaftar;
10. Pengurusan 5S Pejabat Pendaftar;
11. Penyelenggaraan Laman Web Pejabat Pendaftar;
12. Pengurusan Anjakan Gaji;
13. Penyediaan Laporan Tahunan/bulanan bagi aktiviti kendalian unit;
14. Penyediaan bajet unit;
15. Penganjuran kursus/bengkel/seminar/taklimat berkaitan unit.



Norihan
binti Abu Nawar



Norhida
binti Md. Said



Rainasaerah
binti Azis

Fungsi:

1. Pengurusan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) Pendaftar melalui *Balanced Score Card (BSC)* Pejabat Pendaftar;
2. Pengurusan Pelan Strategik Pejabat Pendaftar;
3. Pengurusan pengauditan ke arah autonomi melalui Instrumen Code of University Good Governance (CUGG) dan University Good Governance Index (UGGI) di bawah bidang Tadbir Urus Institusi dan Tadbir Urus Sumber Manusia;
4. Pengurusan pengauditan ke arah jaminan kualiti pendidikan tinggi Malaysia melalui Audit Institusi (*Institutional Audit*) berhubung fungsi sokongan Pejabat Pendaftar bagi memantau dan menambahbaik;
5. Pengurusan Agenda Kritikal (*Critical Agenda Project – CAP*) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dengan memantau dan menyelaraskan maklumat kekurangan prestasi bagi CAP;
6. Pembangunan Indeks Kepuasan Pelanggan (*Customer Satisfaction Index*);
7. Sekretariat Jawatankuasa Membangunkan, K-Professional dan Staf *Engagement Index* Universiti;
8. Sekretariat kepada Jawatankuasa Ad-Hoc Universiti dan Pejabat Pendaftar;
9. Penyelarasan penyediaan dokumen Sistem Penarafan IPT - SETARA dan D SETARA berkaitan Tadbir Urus Universiti;
10. Kemasukan Data Sistem Badan-badan Berkanun (BBP) ke ICU JPM
 - a) Pelan Strategik Universiti/KPI dan Pencapaian;
 - b) Kewangan Universiti/Keahlian LPU;
 - c) Maklumat Program-program Utama Universiti.
11. Penyediaan Laporan Tahunan/bulanan bagi aktiviti kendalian Unit;
12. Penyelarasan bajet Bahagian dan penyediaan bajet unit;
13. Penganjuran kursus/bengkel/seminar/taklimat berkaitan unit.



Saiful Anwar
bin Mohamad

Unit Permesyuaratan Utama

Fungsi:

1. Sekretariat Lembaga Pengarah Universiti (LPU);
2. Pengurusan Pelantikan/Penyambungan/Penamatan Canselor Universiti;
3. Pengurusan Pelantikan/Penyambungan/Penamatan Pro Canselor Universiti;
4. Pengurusan Pelantikan/Penyambungan/Penamatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti;
5. Pengurusan pembayaran elaun dan tuntutan berkaitan kepada Canselor, Pro Canselor, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti;
6. Pengurusan kemudahan pengangkutan, penginapan dan lain-lain kemudahan berkaitan untuk semua program/ majlis rasmi Universiti yang melibatkan Canselor, Pro Canselor, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti;
7. Sekretariat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM);
8. Pengurusan Pekeliling/Surat Pekeliling/Surat Edaran Pentadbiran Universiti;
9. Sekretariat Jawatankuasa Transformasi;
10. Sekretariat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Universiti;
11. Sekretariat Mesyuarat Tindakan Pejabat Pendaftar (MTPP);
12. Penyediaan Laporan Tahunan/bulanan bagi aktiviti kendalian unit;
13. Penyediaan bajet unit;
14. Penganjuran kursus/bengkel/seminar/taklimat berkaitan unit;



Wan Nazrul Shukri
bin Kamarul Baharin



Siti Rohani
binti Manan



Nurul Haina
binti Abu Bakar

Unit Keutuhan Pengurusan

Fungsi:

1. Mengkaji dan membangun model pengurusan strategik Universiti;
2. Pengurusan statut, dasar, polisi, skim, peraturan, pekelling dan lain-lain;
3. Penyediaan maklumat dan maklumbalas berkaitan prestasi Pejabat Pendaftar kepada pihak Pengurusan Universiti;
4. Penyediaan maklumat, data, bahan berkaitan pengurusan dan pembangunan strategik Universiti dan Pejabat Pendaftar bagi tujuan hebahan, taklimat, ceramah, seminar oleh pihak Pengurusan Universiti/ Pendaftar;
5. Pengumpulan dan penyimpanan Struktur Jawatankuasa Universiti;
6. Pengumpulan dan penyimpanan Struktur Organisasi dan Struktur Fungsi Universiti;
7. Pengurusan Piagam Pelanggan Pejabat Pendaftar;
8. Penyelarasan Laporan Bulanan berkenaan aktiviti Pejabat Pendaftar;
9. Penyelarasan pencalonan dan permohonan anugerah/perjawatan berkaitan;
10. Penyelarasan Laporan Karenah Birokrasi Universiti bagi tujuan pelaporan kepada KPT;
11. Penyelarasan Laporan Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) Universiti bagi tujuan pelaporan kepada KPT;
12. Menyelaraskan Pentadbiran Bahagian;
13. Penyelarasan pengaduan awam kepada Biro Pengaduan Awam (BPA);
14. Penyediaan Laporan Tahunan/bulanan bagi aktiviti kendalian unit;
15. Penyediaan bajet unit;
16. Penganjuran kursus/bengkel/seminar/taklimat berkaitan unit.



Mohd Hairull
bin Abdolah



Raja Azmi
bin Raja Ismail



Norashikin
binti Johari

INFO

Program Pemantauan Staf Cuti Belajar

Zon Selatan (UTM)



Program Pemantauan Staf Cuti Belajar Dalam Negara bagi Siri Zon Selatan (UTM) telah diadakan pada 26 hingga 28 Disember 2012 bertempat Thistle Hotel, Johor Bahru. Program pemantauan ini turut melibatkan pertemuan bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) iaitu YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi dan dipengerusikan oleh Encik Akmal bin Abdul Manap selaku Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk melihat perkembangan pengajian staf UTeM yang dihantar untuk melanjutkan pengajian dan mendekati permasalahan yang dihadapi serta memberikan panduan penyelesaian. Disamping itu juga, program seperti ini merapatkan hubungan di antara Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar bersama-sama staf tersebut bagi memastikan kelancaran dari segi penyeliaan perkembangan pelajaran agar kesemua staf ini berjaya memperolehi kejayaan dengan membawa pulang segulung Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan jayanya. Program ini telah disertai seramai 30 orang peserta.

Pada pertemuan ini, sesi soal jawab telah diadakan bagi membincangkan pelbagai perkara berhubung pengajian dan penyelidikan yang dijalankan. Staf juga dinasihatkan untuk menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan dan perlu tertakluk kepada prosedur pengajian yang telah ditentukan oleh Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar. Program Pemantauan Staf Cuti Belajar Dalam Negara akan diteruskan lagi selepas ini bagi Zon Tengah dan Zon Utara.

